

19 MAY 2003

Nasyo-Mahathir/I

NASYO MINTA BANTUAN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Mei (Bernama) -- Pertubuhan Belia dan Pelajar Berkecuali (Nasyo) akan menulis surat kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memohon persetujuan kerajaan membenarkan Nasyo memindahkan ibu pejabatnya dari Baghdad ke Malaysia.

Timbalan Setiausaha Agungnya N.Bossoondoyal berkata pihaknya telah memaklumkan rancangan itu kepada Perdana Menteri pada perjumpaan singkat semasa perayaan Hari Belia di Stadium Putra, Bukit Jalil, Khamis lepas.

"Kami menganggap Kuala Lumpur sebagai tempat terbaik (dijadikan ibu pejabat) kerana kami berkongsi prinsip dengan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang kini dipengerusikan oleh Malaysia," katanya kepada Bernama di sini hari ini

Katanya, beliau akan berjumpa Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein bagi memberi taklimat mengenai rancangan Nasyo itu.

Bossoondoyal, yang juga naib presiden Perhimpunan Belia Sedunia (WAY), berkata Nasyo bercadang memindahkan ibu pejabatnya kerana operasi di Baghdad tidak lagi sesuai dalam keadaan semasa yang tidak stabil di Iraq.

Ibu pejabatnya di Baghdad turut musnah dalam pengeboman oleh tentera Amerika Syarikat dan sekutunya yang menceroboh negara Arab itu.

Nasyo yang ditubuhkan di Baghdad pada April 1993 mempunyai anggota bersekutu di 100 buah negara. Ia bergerak bebas dan tidak mempunyai hubungan dengan NAM.

Nasyo yang mempromosikan dasar tidak berkecuali dianggotai pertubuhan pelajar dan belia yang memperjuangkan hak sama rata tanpa mengira jantina, serta menentang penjajahan dan perkauman.

-- BERNAMA

RV AHH JK MOZ